

25 MAY 1996

China - Lawatan

ROMBONGAN CHINA LAKUKAN LAWATAN DUA HARI KE PULAU PINANG

PULAU PINANG, 25 Mei (Bernama) -- Kerajaan Negeri Pulau Pinang akan terus memperkenalkan hubungan duahala antara China dan Pulau Pinang dan menggalakkan pelaburan di sana, kata Ketua Menteri Tan Sri Dr Koh Tsu Koon hari ini.

Koh berkata Naib Perdana Menteri China Zhu Rongji, 68, amat berminat untuk mengetahui lebih lanjut latihan dan strategi industri teknikal tinggi Pulau Pinang.

"Zhu kagum dengan kemajuan di sini dan memuji kami telah melaksanakan tugas dengan baik tetapi saya berpendapat merekalah yang telah melaksanakan tugas dengan baik kerana mereka mempunyai penduduk 1,000 kali ganda daripada Pulau Pinang," katanya kepada pemberita selepas memberi taklimat kepada Naib Perdana Menteri itu mengenai kemajuan ekonomi pulau ini di sini.

Koh berkata beliau dan Naib Perdana Menteri itu tidak mengadakan perbincangan khas tetapi beliau memberitahunya bahawa ahli perniagaan China sentiasa dialu-alukan untuk melabur di Pulau Pinang.

Terdahulu, serombongan 90 orang diberi sambutan permaidani merah setibanya di Lapangan Terbang Antarabangsa Bayan Lepas dengan sebuah pesawat khas dari Kuala Lumpur.

Rombongan itu berada di Kuala Lumpur sejak Selasa untuk lawatan rasmi lima hari. Pagi ini Zhu mengunjungi Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad di pejabatnya.

Turut mengiringi rombongan itu ialah Timbalan Menteri Dalam Negeri Ong Ka Ting yang juga Menteri Pengiring.

Rombongan dari China itu kemudian melawat kilang Motorola di Taman Perindustrian Bayan Lepas dan melawat sekitar bandar ini dan jambatan Pulau Pinang.

Mereka akan melawat Taman Rama-rama Pulau Pinang sebelum berlepas pulang ke tanahair esok. -- BERNAMA

RA CR